

PAPER NAME

Proceeding_ICOSH_UKM_2012.docx

AUTHOR

Hertanto Hertanto

WORD COUNT

383 Words

CHARACTER COUNT

2180 Characters

PAGE COUNT

24 Pages

FILE SIZE

6.1MB

SUBMISSION DATE

Aug 30, 2022 3:10 PM GMT+7

REPORT DATE

Aug 30, 2022 3:11 PM GMT+7

● 3% Overall Similarity


The combined total of all matches, including overlapping sources, for each database.

- 3% Publications database
- Crossref Posted Content database
- Crossref database

● Excluded from Similarity Report

- Internet database
- Bibliographic material
- Cited material
- Submitted Works database
- Quoted material


4th International Conference on
Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM 2012)



PROCEEDINGS

**POLITIK TRANSAKSIONAL DALAM GABUNGAN PARTI ISLAM PADA
PILIHAN RAYA KEPALA DAERAH (PILKADA) DI LAMPUNG, INDONESIA**

HERTANTO



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2012



Pejabat Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 5375/5354 Faksimili: +603-8925 2836 E-mel: icoshukm2012@gmail.com
Laman Web: <http://www.ukm.my/fsskconf>

Conference Programme

12 December 2012

- 8.00 – 9.00 am : Arrival and Registration (UKM Senate Room)
- 9.00 – 10.00 am : Opening ceremony and book launch
- 10.00 – 10.30 am : Morning coffee break
- 10.30 – 11.15 am : Keynote Speech 1
– Pn. Azizah Hamzah
(Economic Planning Unit) – UKM Senate Room
- 11.15 – 1.00 pm : Parallel Session 1 (FSSK)
- 1.00 – 2.15 pm : Lunch break
- 2.15 – 3.00 pm : Keynote Speech 2
– Prof. Dr. Ibrahim Ngah
(UTM) Lecture Theatre 3B.301 (FSSK)
- 3.00 – 4.00 pm : Parallel Session 2 (FSSK)
- 4.00 – 5.00 pm : Parallel Session 3 (FSSK)
- 5.00 pm : Tea break
- End of Day 1

13 December 2012

- 8.30 – 9.15 am : Keynote Speech 3
– Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong (IKMAS, UKM)
Lecture Theatre 3B.301
- 9.15 – 10.15 am : Parallel Session 4
- 10.15 – 10.45 am : Coffee break
- 10.45 – 11.30 am : Keynote Speech 4
– Prof. Dr. Hazita Azman (FSSK, UKM)
– Lecture Theatre 3B.301
- 11.30 – 12.30 pm : Parallel Session 5
- 12.30 – 2.00 pm : Lunch Break
- 2.00 – 3.00 pm : Parallel Session 6
- 3.00 – 4.00 pm : Parallel Session 7
- 4.00 – 5.00 pm : Closing Ceremony
– Prof. Dr. Hazita Azman (Dean of FSSK, UKM)
– Lecture Theatre 3B.301
- 5.00 pm : Tea Break
- Conference Ends

Parallel Session 7 K**Venue** : 3A 503**Chair** : Dr. Mohd Rizal Bin Mohd Yaakop**Theme** : Sains Politik

1	Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali	Pilihan Raya Kecil (Prk) P185 Batu Sapi, Sabah: Antara Populariti, Sentimen Dan Realiti Dalam Mempengaruhi Pola Pengundian
2	Hertanto Sri Soetanto	Politik Transaksional Dalam Gabungan Parti Islam Pada Pilihan Raya Kepala Daerah (Pilkada) Di Lampung, Indonesia
3	Mohd Faidz Bin Mohd Zain, Samsu Adabi Bin Mamat & Ahmad Jama'Amin Bin Yang	Pakatan Rakyat Di Sarawak: Satu Analisis Terhadap Pilihan Raya Negeri 2011

Parallel Session 7 L**Venue** : 3A 504**Chair** : Dr. Novel Anak Lyndon**Theme** : Persekitaran

1	Lukman Ismail, Zaini Sakawi, Sharifah Mastura S.A, Othman Jaafar	Pencemaran Bau Dari Kepelbagaian Sumber Ladang Ternakan Haiwan: Isu, Cabaran Dan Masa Depan
2	Amal Arfan & Mohd Ekhwan Toriman	Mengenalpasti Faktor Penyebab Kemusnahan Hutan Bakau Di Pantai Suppa Pinrang , Sulawesi Selatan
3	Uca Sideng, Sharifah Mastura, Ekhwan Toriman & Othman Jaafar	Kadar Liat Dan Sifat-Sifat Hidraulik Tanah Di Lembangan Jenderam Selangor Malaysia

History and Politics		
001	Konflik Bone Dengan Kuasa Inggeris Di Sulawesi Selatan Tahun 1812 – 1816 Abd. Latif, Nordin Hussin, Rahilah Omar	810-827
002	Konsep Wanua Dan Palili Di Konfederasi Ajatappareng, Sulawesi Selatan Abd. Latif, Nordin Hussin, Rahilah Omar	828-845
003	Regional Dimension Of Malaysia's Foreign Policy: An Evaluation From Tunku Abdul Rahman To Tun Mahathir Arvin Tajari	846-852
004	Revolusi Biru Dalam Revolusi Hijau: Pembangunan Industri Perikanan Bagan Siapi Api Masa Orde Baru (1971-1998) Azmi Fitriasia, Nordin Hussin	853-870
005	The Shah's China Policy: From Hostility To Rapprochement (A Neoclassical Realist View) Ehsan Razani A *, Nor Azizan Idris	871-880
006	Politik Transaksional Dalam Gabungan Parti Islam Pada Pilihan Raya Kepala Daerah (Pilkada) Di Lampung, Indonesia Hertanto Sri Soetanto	881-892
007	Pilihan Raya Kecil (Prk) P185 Batu Sapi, Sabah: Antara Populariti, Sentimen Dan Realiti Dalam Mempengaruhi Pola Pengundian Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali	893-905
008	Analisis Geografi Politik Dalam Setem Pos Junaidi Awang Besar, Viknesh A/L Ramachandran, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali	906-947
009	Pakatan Rakyat Di Sarawak: Satu Analisis Terhadap Pilihan Raya Negeri 2011 Mohd Faiz Bin Mohd Zain, Samsu Adabi Bin Mamat, Ahmad Jama'amin Bin Yang	948-963
010	"Pendapat Awam Mengenai Politik Di Kedah Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13" Mohd Jalaludin Hashim, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Viknesh A/L Ramachandran	964-980
011	Etika Kakitangan Kerajaan Pada Perkhidmatan Awam Bidang Pertanahan; Kajian Kes Implementasi Prinsip Ketelusan Dan Keadilan Di Bandar Palopo Indonesia Muhammad Afif Hamka1, Azima Abdul Manaf2, Suhana Saad2	981-999
012	Strategi 'Rangkaian Mutiara' China Di Lautan Hindi: Dilema Kepada India? Nurul Huda Binti Marwan	1000-1019
013	Re-Memory And Reconstruction Of Japanese Occupation In Malaya: Tan Twan Eng's The Garden Of Evening Mists Nurul Atiqah Amran*, Ruzy Suliza Hashim	1020-1026
014	Agrarian Conflict Of Forestry Area: Case Study On Moro-Moro People Alienation In Register 45 District Of Mesuji Lampung Okie Hajiansyah Wahab, Arfan Aziz	1027-1060
015	Peranan Muzium Dalam Penyelidikan (1883-1942) Roslelawati Abdullaha, Nordin Hussina	1061-1077
016	Analisis Pembungkai Berita Persempadanan Pada Kes Camar Bulan Dan Tanjung Datu Oleh Kompas Dan Utusan Malaysia Ruslan Ramli, Chang Peng Kee, Faridah Ibrahim	1078-1086

**POLITIK TRANSAKSIONAL DALAM GABUNGAN PARTI ISLAM
PADA PILIHAN RAYA KEPALA DAERAH (PILKADA)
DI LAMPUNG, INDONESIA**

Hertanto Sri Soetanto

*Universiti Kebangsaan Malaysia &
Universitas Lampung, Indonesia*

Abstrak

Parti-parti Islam selalunya tewas secara teruk dalam pilihan raya kepala daerah (*Pilkada*) di propinsi Lampung. Ianya berlaku kerana kelemahan membina asas gabungan politik parti Islam dalam mengambil calon-calon ahli parlimen dan dalam usaha-usaha memperkukuh kemenangan calon-calon kepala daerah. Kelemahan ini amat mempengaruhi prestasi kerjasama gabungan parti-parti Islam tersebut dalam penenangan calon *bupati* dan *walikota* (Datuk Bandar) di propinsi Lampung. Artikel ini hendak mengetahui bagaimana politik transaksional lebih menjadi dasar parti Islam dalam pilkada di Lampung berbanding menjadikan idealisme sebenar sebagai matlamat akhir perjuangan parti. Kaedah penyelidikan dilakukan dengan cara temubual kepada para pemimpin parti-parti berkenaan. Kajian ini diarahkan kepada Parti Keadilan Sejahtera (PKS) sebagai parti Islam yang terbesar di propinsi Lampung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mekanisme perekrutan dan pemenangan calon bupati dan Datuk Bandar oleh PKS dan parti-parti Islam yang lain masih kurang konsisten. Hal itu disebabkan ideologi yang dianut oleh parti-parti Islam tidak diamalkan secara baik dan telus termasuk apabila parti-parti tersebut melakukan proses pengambilan calon-calon kepala daerah dan membina hubungan antara parti yang satu dengan parti yang lain. Pada akhirnya, ideologi yang menjadi asas dalam amalan politik *pilkada* ini adalah kepentingan kuasa dan keuntungan-keuntungan politik yang bersifat pragmatik.

Kata kunci: Transaksional, parti politik, pengambilan, gabungan politik, pilihan raya.

Abstract

Islamic parties often suffer defeat in regional head elections (*Pilkada*) in Lampung, this is because the weakness of the basic building political coalition of Islamic parties in winnings candidate recruitment and district heads. This vulnerability affects the performance of cooperation and coordination in winnings coalition candidate regents and mayor in Lampung. This study aims to find out how transactional politics over the policy of Islamist parties in the local elections in Lampung. The research method is done by means of interviews to the leadership of these parties. The study focused on the Parti Keadilan Sejahtera (PKS) as the largest Islamic party in Lampung. The results showed that the mechanism of recruitment and candidate winnings regents and mayor by PKS and Islamic parties other still less consistent, because the ideology professed Islamic parties are strictly not practiced enough to do the district head of recruitment and relationship building between the parties one with the other party. However, the ideological basis of political practice in this election is the importance of power and the benefits of pragmatic politics.

Keywords: Transactional, political parties, recruitment, political coalition, election.

PENGENALAN

Parti-parti politik Islam boleh dibentuk semula selepas berakhirnya tempoh panjang (32 tahun) pemerintahan Orde Baru Soeharto. Pada pilihan raya umum (PRU) pertama selepas reformasi (1999), ada 12 parti Islam di antara 48 parti politik yang menyertai

PRU 1999. Namun hanya 7 parti Islam yang mendapatkan kerusi di parlimen (DPR).¹ Perkembangan parti Islam pun terus mengalami penurunan pada PRU 2004 dan PRU 2009. Perkara ini juga terjadi pada pilihan raya eksekutif daerah (tempatan), parti Islam banyak mengalami kekalahan dalam pilihan raya kepala daerah (pilkada). Misalnya, gabungan Parti Keadilan Sejahtera hanya memenangi calonnya pada dua pilkada daripada tujuh pilkada yang dilaksanakan di Lampung pada tahun 2010.

Parti Islam ialah parti politik peserta PRU yang dengan tegas mencantumkan Islam sebagai asas parti, iaitu Parti Keadilan Sejahtera (PKS), Parti Persatuan Pembangunan (PPP), dan Parti Bulan Bintang (PBB). Para pimpinan, ahli, dan pemilih parti-parti tersebut adalah dari kalangan Islam. Ada pula parti-parti dengan asas nasional tetapi mempunyai asas sosial utama (dominan) dari kalangan Islam, seperti Parti Amanat Nasional (PAN) dan Parti Kebangkitan Bangsa (PKB).

Parti-parti Islam ini tidak hanya bertanding pada PRU di peringkat nasional tetapi juga bertanding pada pilihan raya ketua/kepala daerah (*Pilkada*) untuk memenangkan calon Gabenor, *Walikota* (Datuk Bandar), dan *Bupati* yang disokong. Untuk memenangi calon yang mereka dokong, parti-parti menggunakan strategi perekrutan calon, membina koalisi dengan parti lain, dan kempen. Kelemahan strategi parti Islam dalam menerapkan ideologi diduga sebagai penyebab kekalahan dalam pilkada. Tulisan ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana politik transaksional lebih menjadi dasar parti Islam dalam pilkada di Lampung. Kaedah penyelidikan dilakukan dengan cara temubual kepada pimpinan parti-parti yang berkenaan. Sebagai fokus analisis utama dalam kajian ini adalah parti Islam PKS (Parti Keadilan Sejahtera), kerana PKS adalah parti Islam terbesar yang memperolehi kerusi di DUN (DPRD) Lampung berdasarkan keputusan PRU 2009 (7 kerusi) dan mempunyai kerusi yang cukup signifikan di parlimen tempatan (DPRD) di *kabupaten* dan *kota* (Bandar) untuk dapat mendokong calon kepala daerah (*walikota* dan *bupati*).² Kajian ini dilakukan di Provinsi Lampung, Sumatera, iaitu pada pilkada di 7 *kabupaten* dan *kota* (Bandar) tahun 2010.

POLITIK TRANSAKSIONAL

Pendekatan transaksional cuba menjelaskan bagaimana tingkah laku, keputusan yang dibuat dan sikap politik seseorang itu banyak didorong oleh kepentingan diri dan untuk mencapai matlamatnya mereka tidak keberatan melakukan apa sahaja, membuat berbagai-

¹ Parti-parti Islam yang menyertai PRU 1999 adalah Parti Kebangkitan Muslimin Indonesia (KAMI); Parti Umat Islam (PUI); Parti Masyumi Baru; Parti Persatuan Pembangunan (PPP); Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII); Parti Syarikat Islam Indonesia 1905 (PSII 1905); Parti Politik Islam Indonesia Masyumi; Parti Bulan Bintang (PBB); Parti Keadilan; Parti Persatuan (PP); Parti Kebangkitan Umat (PKU); dan Parti Nahdlatul Ummat (PNU) (Svech 1999). Tetapi hanya 7 parti Islam yang mendapatkan kerusi parlimen (DPR) iaitu PPP (59 kerusi); PBB (13 kerusi); Parti Keadilan (3 kerusi); PNU (3 kerusi); PP (1 kerusi); PSII (1 kerusi); dan PKU (1 kerusi) (Panitia Pemilihan Indonesia, 1999).

² Undang-undang nombor 32 tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah (dipinda oleh UU No. 12 tahun 2008) bahwa peserta pemilihan kepala daerah dan wakil kepala daerah adalah pasangan calon yang diusulkan secara berpasangan oleh parti politik atau gabungan parti politik. Parti politik atau gabungan parti politik ini dapat mendaftarkan pasangan calon apabila memenuhi persyaratan perolehan sekurang-kurangnya 15% (lima belas peratus) dari jumlah kursi DPRD atau 15% (lima belas peratus) dari akumulasi perolehan suara sah dalam Pilihan Raya Kecil di daerah yang bersangkutan.

bagai helah, mengelat atau memutar belit malah menggunakan “jalan pintas” atau “jalan belakang” walaupun di luar sempadan norma (Nidzam 2002, 78).

Individu sanggup berbuat sesuatu di luar peraturan demi mencapai sesuatu matlamat. Individu dilihat sebagai manusia ekonomi (*economic man*) atau mengamalkan pilihan rasional yang sanggup berikhtiar dengan apa cara pun untuk memaksimumkan perolehannya. Bailey (1970, 87) menambah dengan menyatakan bahawa matlamat individu tidak terhad kepada bahan ekonomi sahaja tetapi juga di dalam kuasa, yakni politik (1969 dipetik daripada Nidzam 2002, 80). Dalam erti kata lain dia secara serentak menjadi manusia ekonomi dan juga menjadi manusia politik apabila dia sanggup melakukan berbagai-bagai perkara yang menyalahi norma untuk mendapat kuasa, mengekal kuasa atau memperluas kuasa (Nidzam 2002, 80).

Pendekatan transaksional menekankan bagaimana aktor cuba mengambil kesempatan di mana sahaja terdapat peluang yang dapat dimanfaatkan. Demi kepentingan diri ada anggota yang engkar kepada norma dan peraturan, ada yang pandai muslihat, mengelat atau memutar belit peraturan untuk menghasilkan keuntungan. Ada yang bertindak bagi mencapai sesuatu dengan pelbagai cara. Oleh sebab wujudnya sikap pragmatik sedemikian, Bailey (1970, 5) merumuskan betapa sebenarnya dalam sebuah masyarakat terdapat dua bentuk peraturan, iaitu peraturan normatif dan pragmatik. Peraturan normatif menggariskan pedoman umum kepada tingkah laku anggota masyarakat dan biasanya memberi penilaian kepada sesuatu tindakan atau perlakuan yang salah ataupun yang baik dari segi etika. Ia membentuk peraturan umum yang formal dan unggul dalam masyarakat. Di dalam satu-satu struktur politik ia boleh diguna sebagai garis sempadan kepada orang ramai mengenai sifat perlakuan yang baik (Bailey 1970, 5).

Sementara itu peraturan yang pragmatik adalah penyimpangan daripada peraturan normatif, ia mengandungi unsur putar belit yang digunakan oleh individu untuk memperoleh sesuatu. Secara ringkas ia boleh dianggap seperti kata-kata boleh diatur (*how to get things done*) dan dari beberapa sudut dapat dianggap sangat *Machiavellian* (Nidzam 2002, 82). Bailey (1970, 6) menjelaskan bahawa perlakuan yang pragmatik bukanlah kenyataan tentang sesuatu bentuk perlakuan itu salah atau tidak tetapi sama ada ia berkesan atau tidak. Selalunya peraturan ini bersifat berkecuali dan boleh jadi bergerak dalam sempadan yang digariskan oleh peraturan sistem itu atau mungkin juga tidak (Bailey 1970, 6). Apa yang menarik di sini ialah terdapat perlakuan yang bersifat pragmatik ini dikatakan boleh wujud dalam sempadan peraturan permainan (*rules of the game*), atau masih tidak melanggar norma (Nidzam 2002, 82).

Mengikut Jeremy Boissevain di dalam bukunya *Friends of Friends: Networks, Manipulators and Coalitions* (1978), politik transaksional juga dapat dibina melalui hubungan kenalan dan persaudaraan di dalam setiap tindakan untuk memenuhi permintaan atau *favour* (Nidzam 2002, 83). Faktor persahabatan adalah penting dan menjadi keutamaan. Dalam tulisannya istilah yang banyak digunakan oleh Boissevain (1978 dipetik daripada Nidzam 2002, 83) ialah penaung (*patron*), pakatan (*factions*), gabungan (*coalitions*), puak (*cliques*), tipu daya (*stratagems*), orang tengah (*brokers*), dan

transaksi (*transactions*). Istilah ini sudah boleh menggambarkan bentuk hubungan manipulasi dan putar belit yang terdapat dalam masyarakat.

Politik transaksional pun boleh dibina melalui orang tengah atau broker politik. Dapatan kajian mengenai broker yang menggunakan kaca mata transaksional ini ditulis oleh Mart Bax yang bertajuk *Harpstring and Confession: Machine Style Politics in the Irish Republic* (1976). Bax melihat di dalam masyarakat Irish wujud konsep *political broker* atau orang tengah politik (Nidzam 2002, 84). Broker ini memainkan peranan sebagai penghubung antara orang ramai dengan pemerintah atau pihak yang berkuasa. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan pihak berkuasa dan akan berusaha membantu orang ramai yang meminta tolong.

Mereka yang sudah ditolong akan memberikan sokongan sebagai balasan dan menganggap pemimpin tersebut mempunyai daya pertolongan atau daya desak yang kuat. Di dalam hubungan seperti ini individu sudah membentuk pakatan atau mengikat dirinya dengan pemimpin tersebut. Namun seperti yang dinyatakan di atas konstruksi seperti ini tidak akan kekal dan akan berakhir jika mereka tidak dibantu lagi (Nidzam 2002, 84). Individu tersebut akan mencari pemimpin lain yang lebih berpengaruh untuk bergantung harapan.³ Lebih banyak mereka membantu maka lebih banyak pengaruh yang dikumpul dan peluang untuk menang dalam pilihan raya adalah lebih besar.

Dengan demikian dalam kajian ini, politik transaksional diertikan sebagai aktiviti atau cara bertindak manipulatif yang dilakukan oleh pimpinan parti politik dalam usaha memperoleh kemenangan dalam pilihan raya kepala daerah (Pilkada). Aktiviti dan cara bertindak ini dilaksanakan dengan melakukan transaksi politik antaraelit parti politik dengan calon kepala daerah atau dengan warga masyarakat, iaitu elit mempujuk dan merundingkan kepentingannya dan menawarkan suatu pampasan dalam bentuk perkhidmatan, barang, wang, serta sesuatu yang penting atau bernilai kepada calon dan warga (hudayana, 2011: 1). Dengan kata lain, politik transaksional difahami bermuansa "political trading", ertinya politik sebagai wujud dagangan; jual beli kesempatan dan kepercayaan antara rakyat dengan politikus (Yulianto 2011, 5).

Aktiviti-aktiviti ini merupakan wujud permainan politik yang dilakukan oleh elit dan pimpinan parti politik. Bailey (1969) juga menyajikan teori permainan (*game theory*) yang non-matematik (Sarmini, et.al, 2001: 43). Bailey (1969) menunjukkan bahawa semua bentuk anarki sentiasa berakhir dengan dan terhad oleh Peraturan-Peraturan (Sarmini, et.al, 2001: 43). Perjuangan politik yang nampaknya kacau seperti apapun sentiasa mempunyai garis panduan peraturan, yang secara sedar atau tidak diikuti oleh para pelaku. Setiap kebudayaan menyajikan peranti-peranti aturan seperti ini yang membolehkan adanya manipulasi politik oleh para pelaku.

Bailey (Sarmini, et.al, 2001: 43) menjelaskan, bahawa politik kalau dilihat dari perspektif kerangka teori permainan (*game theory*) mempunyai unsur-unsur yang asasi, yang menjadi ciri-cirinya iaitu: 1) adanya hadiah-hadiah atau tujuan-tujuan yang ingin

³ Di sini letaknya perbezaan pendekatan ini dengan hubungan *patron-client* atau penaung-dinaung. Hubungan penaung-dinaung lebih terikat, apabila penaung menjadi susah yang dinaung akan menolong. Ikatan kesalingan adalah begitu tinggi bagi penaung-dinaung tetapi tidak di dalam konteks *transaksional*.

diraih; 2) adanya para pelaku politik, yang merangkumi komuniti, elite, dan para pelaku yang tergabung dalam pasukan; 3) kepimpinan, iaitu adanya individu-individu yang membuat polisi dan keputusan yang diikuti oleh penggunaan dan pengarahan oleh para pengikut; 4) adanya pertandingan; 5) adanya para hakim (pengadil, juri, dan sebagainya) yang menegakkan peraturan-peraturan permainan yang harus ditaati oleh para peserta. Pertandingan, terdiri atas dua jenis, iaitu (a) konfrontasi yang ditandai oleh adanya pernyataan pertunjukan kekuatan oleh salah satu pasukan sehingga pasukan lawannya harus menyingkir atau mengakui keunggulan pasukan yang kuat tersebut; (b) pertandingan, yang ditandai oleh adanya uji bertanding kekuatan di arena (Sarmini, et.al, 2001: 44).

Parti Keadilan Sejahtera (PKS) dan Parti Islam

Matlamat parti politik dalam PRU adalah merebut atau mengekalkan kuasa dan jawatan-jawatan politik. Dalam melaksanakan matlamatnya, PKS dipedomani oleh Piagam Deklarasi, Visi dan Misi, Anggaran Dasar (AD), Anggaran Rumah Tangga (ART), Kebijakan Asas Parti serta peraturan-peraturan lainnya yang mengikat seluruh ahli parti. Parti Keadilan Sejahtera adalah Parti Dakwah yang bertujuan mewujudkan cita-cita nasional bangsa Indonesia sebagai dimaksudkan dalam Perlembagaan Negara Republik Indonesia Tahun 1945, dan mewujudkan masyarakat madani yang adil dan sejahtera yang direndah Allah *subhanahu wa ta'ala*, dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia (MPP PKS 2008).

Pencapaian peranan dakwah PKS di badan legislatif sangat bergantung kepada kejayaan dalam PRU. Begitu pula kejayaan mencapai kedudukan eksekutif di peringkat pusat dan daerah melalui penglibatan kader dalam pilihan raya presiden (*pilpres*) dan pilihan raya langsung kepala daerah (*Pilkada*). Tujuan penyertaan PKS dalam pilpres dan pilkada adalah untuk menegakkan prinsip *ishlahunafs* (pembaikan individu) dan *ishlahulmujtama* (pembaikan masyarakat). Dengan maksud agar nilai-nilai Islam yang universal akan berlaku di masyarakat, bangsa, dan Negara (MPP PKS 2005). Dalam mencapai kemenangan musyarokah (kesertaan) pada Pilpres dan Pilkada, PKS melakukan musyarokah dengan pelbagai komponen masyarakat termasuk dengan organisasi masyarakat dan organisasi politik.

Parti Keadilan Sejahtera menyeru kepada cawangan-cawangan PKS baik di peringkat kabupaten, kota (Bandar) maupun provinsi untuk mengambil peluang melalui pilihan raya langsung untuk kedudukan pasangan gabenor dan naib gabenor, bupati dan naib bupati, serta Datuk Bandar dan naib Datuk Bandar. Usaha tersebut terutama dilakukan pada daerah-daerah dimana PKS memperoleh suara undi yang signifikan pada PRU ahli legislatif (MPP PKS 2005). Pada parlimen tempatan (DPRD) Provinsi Lampung, PKS memperoleh 7 kerusi pada PRU 2009; di Kabupaten Lampung Selatan, Lampung Timur, dan di Lampung Tengah, PKS masing-masing memperoleh 6 kerusi; serta di Bandar Lampung dan Kabupaten Tanggamus masing-masing memperoleh 5 kerusi.

PEMENANGAN PARTI KEADILAN SEJAHTERA DI PROPINSI LAMPUNG

Perekrutan calon Datuk Bandar dan *Bupati* oleh PKS menggunakan "Pedoman Tim Optimalisasi *Musyarokah*".⁴ *Musyarokah* adalah peranserta dalam penyelenggaraan negara yang merangkumi lembaga legislatif, eksekutif, kehakiman, dan institusi negara atau badan lainnya, baik di peringkat pusat maupun daerah. *Musyarokah* PKS diutamakan dengan parti-parti yang berasas Islam atau berbasis massa organisasi Islam dalam mewujudkan kesatuan langkah umat dan penggalangan kekuatan untuk mencapai kepentingan dakwah PKS dalam kerangka visi dan misi parti (MPP PKS 2005).

Dalam *Pilkada*, parti politik atau gabungan parti politik hanya boleh mencadangkan satu pasangan calon (*bupati* atau walikota dengan naibnya) dan pasangan calon tersebut tidak boleh dicadangkan lagi oleh parti politik atau gabungan parti politik yang lain. Parti atau gabungan parti akan melakukan penjaringan, merekrut, mengambil bakal calon, menapis, menyaring, dan memilih, menentukan, menetapkan satu pasangan calon yang akan didaftarkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (Komisi Pemilihan Umum) daerah untuk diumumkan kepada awam, dan selanjutnya dipilih dalam pilihanraya kecil kepala daerah (*Pilkada*).

PKS ikut terlibat secara aktif dalam tujuh *pilkada* Lampung pada tahun 2010, iaitu pemilihan walikota dan wakil walikota di Bandar Lampung dan di Metro Lampung, pemilihan *Bupati* dan wakil *Bupati* di Lampung Selatan, Lampung Timur, Lampung Tengah, Way Kanan, dan di Pesawaran.⁵ Dua calon yang didokong PKS dan gabungan parti yang menyertainya menang dan 5 calon lainnya tidak terpilih.

Pada pemilihan datuk bandar dan naib datuk bandar di Bandar Lampung, tiga pasangan calon disokong oleh gabungan parti-parti politik dan tiga pasangan berasal dari calon perorangan (bebas). Parti gabungan bersama PKS majoriti bukan tergolong parti Islam iaitu PD, PAN, Parti Gerindra, PKPB, PPDK,⁶ dan Parti Pemuda Indonesia (PPI), dan hanya PPP yang berasaskan Islam. PKS hanya sebagai parti penyokong utama daripada Parti Demokrat kerana PKS hanya mempunyai kerusi 11,11% di DPRD Bandar Lampung, oleh itu calon datuk bandar berasal daripada kader Parti Demokrat, adapun calon naib datuk bandar, Hantoni Hasan, adalah kader PKS (Setiausaha PKS Lampung). Calon datuk bandar Eddy Sutrisno yang disokong PKS ini adalah berasal dari kader parti Golkar yang berpindah kepada Parti Demokrat. Beliau juga sebagai calon *incumbent* yang masih menjawat sebagai Datuk Bandar Bandar (2005-2010).

⁴ Pedoman Optimalisasi *Musyarokah* ini disahkan oleh Majelis Pertimbangan Pusat Parti Keadilan Sejahtera pada hari Rabu 26 Dzulqodah 1426 H atau 28 Desember 2005 dan dinyatakan masih berlaku pada saat *pilkada* Lampung tahun 2010. Dalam hal terdapat keadaan yang tidak memungkinkan terlaksananya salah satu atau beberapa ketentuan dalam pedoman ini maka ketentuan lebih lanjut ditetapkan dengan keputusan DPP (MPP PKS 2005).

⁵ Pilihan *bupati* dan naib *bupati* serta datuk bandar dan naib datuk bandar di Lampung diadakan secara langsung dan serentak pada 30 Jun 2010. Sedangkan, pemilihan calon *bupati* dan naib *bupati* Lampung Tengah dilaksanakan pada 12 Ogos 2010 dan 29 September 2010 (tahap II), kerana pada pengundian tahap pertama tidak ada pasangan calon yang mendapat suara 30% atau lebih.

⁶ Nama-nama parti dalam gabungan ini adalah PNBKI (Partai Nasional Benteng Kerakyatan Indonesia), PBR (Parti Bintang Reformasi), Parti Gerindra (Gerakan Indonesia Raya), PKPB (Partai Karya Peduli Bangsa), dan PPDK (Partai Persatuan Demokrasi Kebangsaan).

PKS sejak proses pencalonan di Bandar Lampung berkeinginan untuk memasangkan kadernya dengan calon *incumbent* Eddy Sutrisno, kerana menganggap calon ini mempunyai populariti yang luas. Walaupun pada masa beliau menjawat walikota dan sekaligus Ketua Parti Golkar Bandar Lampung terjadi konflik dalaman pada PG tersebut yang mengakibatkan beliau dibuang daripada PG dan berpindah kepada PD. Akhirnya, pemilihan datuk bandar dan naib datuk bandar di Bandar Lampung dimenangi oleh pasangan calon Herman dan Tobroni yang disokong oleh gabungan PDI-P dan parti-parti penyokongnya yang mendapatkan suara 122.883 (34,35%).

Pada pilihanraya datuk bandar dan naib datuk bandar Metro, hanya ada tiga pasangan calon yang semuanya disokong oleh gabungan parti-parti politik. Terdapat 3 gabungan parti besar dan parti menengah dalam pencalonan datuk bandar dan naib datuk bandar. PKS hanya sebagai parti penyokong PD sepenuhnya kerana hanya punya satu kerusi di DPRD Bandar Metro dan tidak mencadangkan kadernya sendiri sebagai calon naib. PKS pun hanya satu-satunya parti Islam dalam gabungan ini. PKS dan parti-parti gabungannya ini menetapkan calon datuk bandar *incumbent* Lukman Hakim yang berasal daripada kader parti Demokrat dan naib datuk bandar Saleh Chandra yang berasal daripada pesara pegawai sivil Bandar Metro. Calon datuk bandar Lukman Hakim ini adalah Datuk Bandar Metro yang masih menjawat (2005-2010). Akhirnya, pilihanraya datuk bandar dan naib datuk bandar Metro dimenangi oleh pasangan calon Lukman Hakim dan Saleh Chandra yang disokong oleh gabungan Parti Demokrat, PKS dan parti-parti penyokong lainnya, serta mendapatkan suara 30.615 (43,83%).

Pemilihan bupati dan naib bupati Lampung Selatan diikuti oleh 7 pasangan calon, empat pasangan calon disokong oleh gabungan parti-parti politik dan tiga pasangan berasal dari calon perseorangan (*independen*). Parti Keadilan Sejahtera dan Parti Golkar serta parti penyokongnya menetapkan calon bupati Wendy Melfa yang berasal daripada kader Parti Golkar dan naibnya Antoni Imam berasal daripada kader Parti Keadilan Sejahtera. Calon bupati ini adalah pengusaha di Lampung yang masih menjawat sebagai Bupati Lampung Selatan periode 2008-2010 (*incumbent*) dan sebelumnya juga pernah menjawat Naib Bupati Lampung Selatan 2005-2008. Adapun, calon naib bupati adalah ketua PKS Lampung Selatan dan bekerja sebagai ahli parlimen (DPRD) Lampung Selatan dari Fraksi PKS. Pasangan calon PKS ini dikalahkan oleh pasangan calon Ricko Menoza SZP (anak daripada Gabenor Lampung) dan Eki Setyanto (166.089 atau 35,84%) yang didukung oleh gabungan PDI-P dan Parti Demokrat serta parti-parti penyokongnya.

Pada pemilihan bupati dan naib bupati Lampung Timur, PKS mempunyai 6 kerusi (13,33%) di DPRD, ertinya cukup signifikan untuk mencalonkan bupati atau naib bupati walaupun mesti bergabung dengan parti lain. Pilkada ini diikuti oleh 4 pasangan calon, tiga pasangan calon didukung oleh gabungan parti-parti politik dan satu pasangan berasal daripada calon perseorangan (*independen*). Gabungan Parti Demokrat dengan parti-parti penyokongnya iaitu PKB, PPP, PKS, PKP, dan PBB. Dalam hal ini PKS bergabung dengan dua parti Islam yang lainnya, iaitu PPP dan PBB, dan satu parti berbasis massa Islam (PKB). Ertinya, majoriti parti Islam menyertai gabungan Parti Demokrat ini.

Gabungan Partai Demokrat dan PKS dengan parti-parti penyokongnya ini menetapkan calon bupati Yusran Amirullah yang berasal dari kader Partai Karya Perjuangan (Bendahara PKP Lampung Timur) dan naibnya Bambang Imam Santoso adalah naib ketua Partai Demokrat Lampung. Calon bupati adalah seorang pengusaha singkong dan pegawai perusahaan swasta di Lampung Timur serta terpilih sebagai ahli DPRD Lampung Timur pada PRU 2009. Adapun, calon naib bupati adalah bekerja sebagai ahli parlimen (DPRD) Lampung (2004-2014) dari Fraksi Partai Demokrat. Pemilihan bupati dan naib bupati Lampung Timur ini dimenangi oleh pasangan calon independen, Satono dan Erwin Arifin (237.251 atau 47,72%). Artinya, semua pasangan calon yang didukung oleh parti dan gabungan parti mengalami kekalahan.

Pada pemilihan bupati dan naib bupati Way Kanan, PKS hanya mempunyai 3 kerusi (7,50%) di DPRD, artinya PKS harus bergabung dengan parti lain untuk mencalonkan bupati atau naib bupati agar memenuhi 15%. Pilkada di Way Kanan ini diikuti oleh 5 pasangan calon, empat pasangan calon didukung oleh gabungan parti-parti politik dan satu pasangan berasal dari calon perseorangan. Gabungan Partai Keadilan Sejahtera (PKS), Parti Kebangkitan Bangsa (PKB), dan Parti Keadilan dan Persatuan Indonesia (PKPI) menetapkan calon bupati Bustami Zainudin yang sebelumnya adalah Naib Bupati Way Kanan yang masih menjabat (2005-2010). Beliau berpasangan dengan calon naib bupati Raden Nasution, pegawai sivil Badan Pemeriksa Keuangan dan Pembangunan. Bustami sebelumnya adalah seorang pengusaha di Jakarta yang pada tahun 2005 mencalon sebagai naib bupati Way Kanan berpasangan dengan Tamanuri yang diusung oleh Parti Golkar dan terpilih. Bustami dan pasangannya ini memenangi Pilkada di Way Kanan pada tahun 2010 tersebut.

Pada pemilihan bupati dan naib bupati Pesawaran, PKS mempunyai 4 kerusi (11,43%) di DPRD, artinya cukup signifikan untuk mencalonkan bupati atau naib bupati walaupun PKS harus bergabung dengan parti lain untuk memenuhi syarat 15%. Pilkada di Pesawaran ini diikuti oleh 7 pasangan calon, empat pasangan calon didukung oleh parti dan gabungan parti-parti politik, serta tiga pasangan berasal dari calon perseorangan. Gabungan PKS, Parti Gerindra, dan Parti Golkar menetapkan calon bupati Pattimura dan naib bupati Johan Sulaiman. Pattimura adalah ahli SPRU (KPU) Provinsi Lampung yang mengundurkan diri untuk mencalon sebagai bupati Pesawaran. Adapun, calon naib bupati Johan Sulaiman adalah pimpinan Parti Keadilan Sejahtera (PKS) Lampung dan mantan ahli DPRD Provinsi Lampung. Tetapi pasangan calon ini dikalahkan oleh Arisandi dan Musiran yang dicalonkan oleh gabungan Partai Demokrat, PKPB, PKB, PPP, dan PBR.

Pada pemilihan bupati dan naib bupati Lampung Tengah, PKS mempunyai 6 kerusi (12%) di DPRD, artinya cukup signifikan untuk mencalonkan bupati atau naib bupati walaupun PKS harus bergabung dengan parti lain untuk memenuhi syarat 15%. Pilkada ini diikuti oleh 8 pasangan calon yang bersaing, lima pasangan calon didukung oleh parti politik dan gabungan parti-parti politik, serta tiga pasangan berasal dari calon perorangan. Gabungan Partai Keadilan Sejahtera (PKS) dan parti-parti penyokongnya (Hanura dan PBR) menetapkan calon bupati Yurida Erwin Nizar yang bekerja sebagai

pegawai sivil daerah.⁷ Adapun, calon naib bupati Mufti Salim adalah ketua PKS yang menjadi ahli DPRD Kabupaten Lampung Tengah (2004-2014). Tetapi pasangan calon ini dikalahkan oleh Ahmad Pairin dan Mustofa yang dicalonkan oleh Partai Golkar.

Berdasarkan tujuh pelaksanaan Pilkada di Lampung tahun 2010 tersebut, PKS melaksanakan strategi perekrutan calon untuk mencapai tujuan pemenangan adalah sebagai berikut:

1. Perekrutan calon PKS melalui pembentukan jawatankuasa khas yang disebut Pasukan Optimalisasi musyarokah (TOM). Penentuan calon PKS tanpa melalui jaringan atau pengambilan secara terbuka tetapi dengan pendekatan individu atau penapisan secara dalaman. Penentuan calon ini mesti melalui cadangan mutlak daripada Dewan Pengurus Pusat (DPP) PKS di Jakarta.
2. PKS lebih banyak memilih calon *incumbent* dalam Pilkada, iaitu 4 calon *incumbent* dalam pelaksanaan 7 pilkada. PKS lebih condong memilih calon yang masih menduduki jawatan bupati atau Datuk Bandar (*incumbent*) yang dianggap lebih popular, bermodal kewangan, dan mempunyai penyokong para pegawai dan kaki tangan di pemerintahan daerah.
3. Semua calon walikota dan bupati yang disokong bukan berasal daripada kader PKS tetapi 4 calon wakil bupati/walikota berasal daripada kader PKS, namun 4 calon kader PKS ini semua tidak terpilih. PKS Lampung menganggap belum ada calon daripada kader PKS yang cukup mampu (kewangan dan populariti) untuk mencalon sebagai bupati atau walikota.
4. Lima pasangan calon PKS kalah dalam Pilkada dan hanya dua calon yang memenangi dan dilantik sebagai walikota Metro dan bupati Way Kanan. Tetapi keduanya bukan berasal daripada kader parti dan PKS pun bukan sebagai parti penyokong utamanya.
5. PKS dalam pencalonan tidak bergabung dengan parti-parti yang berasas Islam tetapi lebih banyak bergabung dengan parti-parti berasas kebangsaan, seperti Parti Demokrat dan Partai Golkar. Tetapi tidak pernah bergabung dengan PDIP. Ertinya, tidak ada sekutu PKS dan parti lain yang tetap (*permanent*) dalam pencalonan kepala dan naib kepala daerah pada setiap daerah pemilihan. Perikatan parti penyokong calon sangat bebas, terbuka, dan longgar. Penggabungan parti dalam pencalonan ini tidak didasarkan atas ideologi atau asas parti. Penggabungan parti pun bukan ditentukan oleh pimpinan parti, tetapi lebih banyak berdasarkan atas kepentingan calon bupati atau datuk bandar bagi kemenangannya.

Dengan demikian, ada beberapa ciri PKS dalam melaksanakan penyertaan (*musyarokah*) Pilkada, pertama, PKS kurang memprioritaskan kader parti sebagai calon kepala daerah atau wakil kepala daerah, terutama apabila jumlah kerusinya di DPRD tidak mencapai atau mendekati 15%. Kedua, berusaha memanfaatkan loyaliti yang sangat

⁷ Yurida juga isteri dari Erwin Nizar mantan Bupati Lampung Barat 2002-2007. Erwin Nizar berniat mencalonkan diri sebagai Bupati Lampung Tengah pada pemilihan tahun 2010, namun beliau meninggal dalam kemalangan lalu lintas pada tahun itu. Akhirnya, isterinya menggantikan sang suami sebagai calon bupati Lampung Tengah.

kuat daripada kader parti sebagai pengundi, namun lebih banyak mengalami kekalahan. Ketiga, menggunakan struktur dan hierarki parti sebagai mesin penggalangan massa dan pemenangan, namun belum maksimum.

IMPAK DAN RUMUSAN KAJIAN

Kekalahan PKS pada beberapa pilkada di Lampung, sebagaimana yang dibincangkan di atas, kerana elit pimpinan PKS terjebak dalam kepentingan pragmatik, iaitu mahu merebut kuasa dengan segera untuk memperolehi keuntungan-keuntungan politik jangka pendek, terutamanya bagi menyediakan keselamatan dan kemenangan PKS pada PRU tahun 2014. Oleh itu, PKS lebih condong menyokong calon-calon yang sedang menjawat kepala daerah (incumbent) kerana dianggap peluang kemenangannya lebih besar. Apabila mereka memenangi pilkada maka para bupati dan walikota terpilih itu akan dijadikan sebagai operator penggalangan massa di daerah untuk memenangi PRU 2014.

Kepentingan pragmatik ini mengabaikan realiti bahwa penduduk Lampung majoriti beragama Islam dan kekuatan daripada gabungan parti-parti Islam, kerana tidak ada parti yang menguasai majoriti penuh di parlimen tempatan (DPRD) Lampung. PKS dan parti-parti Islam kurang berani memanfaatkan jumlah penduduk Lampung yang majoriti beragama Islam (97%) untuk membina gabungan parti-parti Islam sahaja dalam pilkada di Lampung. Padahal sebagai parti Islam terbesar di Lampung sepatutnya boleh menggalang kesatuan parti-parti Islam lain yang perolehan undinya lebih kecil, seperti PPP, PBB, PBR, PKNU, PNUI, dan PMB.

Sehingga perkembangan parti-parti Islam pascareformasi belum menunjukkan prestasi yang bererti. Kekuatan politik parti-parti Islam di DPRD Lampung (secara kuantiti) masih sangat kecil untuk boleh berperanan secara dominan dalam proses pengambilan Dasar politik. Kelemahan ini pun disokong oleh tidak kompaknya sebagai sebuah kekuatan kolektif, baik dalam parlimen, PRU, mahupun pilkada. Sudah menjadi rahsia umum, bahawa antarelit parti Islam selalunya tidak satu persepsi dalam proses pembuatan Dasar. Justeru kadar fragmentasi dan persaingan di antara mereka cenderung tinggi. Oleh itu, parti-parti Islam masih lemah dalam mengejawahatkan "ukhuwah islamiyah" dalam sikap dan perilaku politik para elitnya.

Kerana tidak adanya parti majoriti tunggal di Lampung, sewajarnya parti-parti politik Islam boleh berperanan sebagai pengimbang dalam proses-proses politik serta dalam membina perikatan strategik dengan parti-parti lain yang mempunyai pangkalan pengundi dominan umat Islam, seperti PAN dan PKB. Tetapi peranan sebagai pengimbang dan pembentukan gabungan strategik belum terbangun dalam pola yang kekal, baik di aras nasional mahupun daerah. Hal ini tercermin dalam kes PRU, pilihan raya presiden (pilpres), dan pilihan kepala daerah langsung (pilkada). Integrasi antaraparti Islam belum terbentuk, sehingga gabungan antara mereka cenderung bersifat pragmatik dan berpecah dalam egosektarian.

Kelebihan PKS sebagai parti Islam yang semestinya dibangunkan sesuai dengan visi, misi, dan komitmen supaya lebih mampu membaca situasi dan keadaan masyarakat

dan sistem politik yang sedang berjalan. Pertama, asas Islam PKS mengarahkan orientasi organisasi ke dalam kesamaan struktur masyarakat Lampung dengan majoriti penduduk beragama Islam (97%). Situasi masyarakat ini menurut Kuntowijoyo tergolong masih pada tahap "ideologi" dimana sokongan massa pada parti hanya boleh diperolehi melalui pemanfaatan simbol-simbol budaya dan agama (Kaisiepo, 2000). Misalnya, para kader PKS menganggap menyokong partinya adalah beribadah (Alfan, 2007: 123).

Selain itu rakyat Indonesia cenderung masih mempunyai budaya politik paternalistik dan sukar bergeser pilihan politiknya daripada satu parti kepada parti lain dalam PRU (Sundhaussen, 1996). Kedua, konstituen PKS dan parti-parti Islam relatif homogen, tetap, dan tidak mudah bergeser. Mereka antara lain kalangan santri perdesaan dan bandar, generasi muda golongan menengah Islam dengan tahap pendidikan yang tinggi (di kampus dan masjid), serta pangkalan pengundi kultural merupakan penyokong fanatik daripada setiap pilihan raya. Pangkalan massa ini sangat relevan untuk daerah-daerah Luar Jawa, terutamanya Lampung dan Sumatera yang merupakan sebahagian daripada rumpun etnik "Melayu" yang identik dengan budaya masyarakat Islam. Citra PKS sebagai parti bersih yang mengusung nilai-nilai moral dengan semboyan "bersih, peduli, dan profesional" sepatutnya mempunyai nilai jual yang tinggi dalam situasi dan keadaan ketika ini yang bertanda maraknya KKN (korupsi, kolusi, dan nepotisme), politik wang, serta tidak berkembangnya etika politik.

Oleh itu, sebagai partai reformis, PKS mesti konsisten dengan slogan bersih, peduli, dan profesional itu dalam perekrutan calon kepala daerah tanpa mudah "dibeli" oleh calon-calon yang dianggap popular dan bermodal finansial kuat. Dalam konteks demokrasi Indonesia yang cenderung liberal dengan *high cost* politik dan tuntutan pragmatisme yang sangat kental, akan menjadi cabaran dilematik bagi para kader PKS.

Berkait dengan itu, Ahmad Norma Permana (Nusantara 2009), dalam tesisnya mengenai prospek PKS di Indonesia, menyatakan bahawa perilaku politik PKS cenderung ideologik apabila institusi politik masih tidak menentu (1998 - 2002). Menurut beliau, pada masa-masa awal PKS masih demokratik kerana menempatkan Musyawarah Nasional (Munas) sebagai institusi pembuat dasar tertinggi. Dalam PRU, PKS juga masih meyakini bahawa moralisme adalah jalan utama menuju kejayaan pilihan raya dan dalam pemerintahan PKS hanya mahu bekerjasama dengan parti Islam. Sementara itu setelah berubah menjadi PKS (dari Parti Keadilan) dan melakukan konsolidasi demokrasi, perilaku politik PKS semakin pragmatik. Dalam organisasi, Majlis Syura menjadi pembuat keputusan tertinggi (oligarkis) dan dalam PRU lebih mengutamakan propaganda politik berbanding dakwah. Dalam pemerintahan, PKS juga menomborsatukan jawatan dengan kesediaan bekerjasama dengan sesiapa sahaja termasuk parti Kristian (Nusantara 2009).

KESIMPULAN

Pengkaderan PKS cenderung masih lemah, kerana lebih mengutamakan calon yang bukan kader sendiri dalam pemilihan bupati / naib bupati dan datuk bandar / naib datuk bandar.

Para pimpinan parti beralih belum banyak kader parti yang bersedia untuk dicalonkan. Kerana untuk meraih kemenangan calon mesti mempunyai kos yang besar dan mesti sangat dikenali oleh masyarakat (popular). PKS ke depan mesti mahal seleksi figur kepimpinan dengan jenis administrator (pengurus) yang sekaligus mempunyai kemampuan intelek, dan integriti moral. Ini untuk menjangka fenomena pertumbuhan generasi baru yang semakin berpendidikan, mempunyai akses kepada maklumat yang tak terbatas, lebih rasional, dan kritikal yang menjadikan hubungan antaraparti dengan massa pendukungnya di masa depan tidak lagi dibina dan dipelihara melalui simbol-simbol ideologi, melainkan oleh kemampuan menangkap, memproses, dan menyajikan isu-isu awam yang sebenar dan relevan secara rasional.

PKS belum mampu membina integrasi antaraparti Islam, kerana gabungan parti yang terbentuk dalam pilkada cenderung hanya bersifat pragmatik. Ideologi parti cenderung diketepikan untuk mengejar kepentingan jangka pendek memenangi kuasa berbanding kepentingan awam bervisi masa depan dan pendidikan politik. Oleh itu, parti-parti Islam terpecah dalam egosektarian, padahal dalam pedoman *musyarokah* PKS komited akan lebih diutamakan bergabung dengan parti-parti yang berasas Islam atau berasaskan massa organisasi Islam dalam rangka mewujudkan kesatuan langkah umat dan penggalangan kekuatan untuk mencapai kepentingan dakwah PKS dalam kerangka visi dan misi parti.

RUJUKAN

- Azhari. 2011. *Mereformasi Birokrasi Publik Indonesia*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Bailey, F. G. 1970. *Stratagems and spoils: a social anthropology of politics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Bambang Hidayana. 2011. "Glembuk, Strategi Politik dalam Rekrutmen Elite Penguasa di Desa Pulungsari Yogyakarta". *Jurnal Humaniora*. Volume 23. Nombor 1 Februari 2011, halaman 1-13. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada: 1-13.
- Bambang Setiawan dan Bestian Nainggolan (pnyt.). *Parti-parti Politik Indonesia: Ideologi dan Program 2004-2009*. Jakarta: KOMPAS.
- Bax, Mart. 1976. *Harpstring and confessions: machine style politics in the Irish Republic*. Van Gorcum: Amsterdam.
- Boissevain, Jeremy. 1978. *Friends of friends: networks, manipulators and coalitions*. Oxford: Basil Blackwell.
- _____. 1964. *Factions, parties and politics in a Maltese village*. *American Anthropologist*: 66.
- Kuskridho Ambardi. 2008. *Mengungkap Politik Kartel, Studi tentang Sistem Kepartaian di Indonesia Era Reformasi*. Jakarta: Gramedia dan Lembaga Survei Indonesia.
- M. Djadijono. 2006. "Ideologi Partai Politik". Dalam Indra J. Piliang dan T.A. Legowo (pnyt.). *Disain Baru Sistem Politik Indonesia*. Jakarta: CSIS.
- Muchamad Yulianto. 2011. "Pilkada dalam Politik Transaksional: Mencari Pemimpin Masa Depan". Kertas kerja tidak diterbitkan. Semarang: FISIP Undip: 1-11.
- _____. 2012. "Risiko Buruk Koalisi Pragmatis". *Suara Merdeka.com*, 2 Januari 2012: 3.
- Kaisiepo, Manuel, 2000, "Menilai Corak Kepartaian Saat ini: Belum Berfungsi sebagai Institusi Politik Modern", Surat Kabar Harian *KOMPAS*, 28 Februari: 7.
- Majelis Pertimbangan Pusat (MPP) Partai Keadilan Sejahtera (PKS). 2008. *Memperjuangkan Masyarakat Madani: Falsafah Dasar Perjuangan dan Platform Kebijakan Pembangunan PKS*. Jakarta: MPP PKS.

- M. Alfian Alfian. 2007. "Jebakan-jebakan Politik PKS", dalam Nur Hasan Zaidi. *Mereka Bicara PKS: Telaah Obyektif Perjalanan Dakwah Politik PKS*. Bandung: Fitrah Rabbani.
- Nidzam Sulaiman, 2002. "Hubungan Transaksional: Mencabar Model Sistem dalam Analisis Politik Gabungan". Dalam Ghazali Mayudin (Peny.). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 75-94.
- Sarmini, Heddy Shri Ahimsa Putra, dan Mulyadi. 2001. "Politik Usaha Industri Penyamakan Kulit di Magetan Jawa Timur". *Jurnal Sosio Humanika*. 14 (1). Januari 2011. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada: 40-55.
- Svech. 1999. *Katalog Partai Peserta Pemilu '99*. Medan: Yayasan Delapan.
- Zainal Abidin Amir. 2003. *Peta Islam Politik Pasca Soeharto*. Jakarta: LP3ES.

Dokumen

- Majelis Pertimbangan Pusat (MPP) Partai Keadilan Sejahtera (PKS). 2005. "Pedoman Tim Optimalisasi Musyarokah". Jakarta: MPP PKS.

4th International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM 2012)



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

UKM Bangi, October 2012

HERTANTO

Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik

Universitas Lampung

Jl. Sumantri Brojonegoro No. 1

Gedung Meneng, Bandar Lampung

INDONESIA

Dear paper presenters,

**CONFERENCE REGISTRATION, FULL PAPER AND ABSTRACT SUBMISSIONS FOR
ICOSH-UKM 2012, 12-13 DECEMBER 2012, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
BANGI**

First and foremost, the secretariat of ICOSH-UKM 2012 would like to extend our warmest congratulations for being accepted as one of our paper presenters in this conference. We hope that you have now begun working on your full paper entitled:

**"POLITIK TRANSAKSIONAL DALAM GABUNGAN PARTI ISLAM PADA PILIHAN
RAYA KEPALA DAERAH (PILKADA) DI LAMPUNG, INDONESIA"**

The secretariat would like to gently remind all paper presenters that full papers and abstracts should be submitted via the conference website **before 15th October 2012**. Full papers must adhere to the guidelines below:

1. For papers written in English, guidelines can be found on the link below:
<https://docs.google.com/file/d/0B5VmFYwm80IZ1N5RW5DWmNucW8/edit?pli=1>
(All papers must not exceed 6 pages as outlined by procedia)
2. For papers written in Malay language:
 - Abstract: contains issue / problem statement, methodology, findings and research implications. Please also provide five keywords for your paper.



Pejabat Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 5375/5354 Faksimili: +603-8925 2836 E-mel: icoshukm2012@gmail.com
Laman Web: <http://www.ukm.my/fsskconf>

4th International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM 2012)



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

- Full paper: introduction (including issue and problem statement), research scope and objectives), literature review, methodology and theoretical approach, findings and analysis, research implications, summary and conclusion.
- Full paper must not exceed 15 pages including references and appendix
- Font Times New Roman, size 12, double spacing

Paper presenters are also required to fill in our registration form (attached) and proceed with conference fees payment. The conference schedule will be published soon. For latest information, please visit our conference portal: <http://www.ukm.my/fsskconf>

Thank you.

Best regards,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jalaluddin'.

Associate Prof. Dr. Jalaluddin Abdul Malek
Chairman of ICOSH-UKM 2012
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia



Pejabat Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 5375/5354 Faksimili: +603-8925 2836 E-mel: icoshukm2012@gmail.com
Laman Web: <http://www.ukm.my/fsskconf>

4th International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM 2012)



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

REGISTRATION FORM ICOSH -2012 UKM

1. PERSONAL DETAILS

Name (Prof./Associate Prof. /Dr./ Mr/ Ms. : Mr. Hertanto
Sex : Laki-laki
Affiliation : Universiti Lampung (Unila), Indonesia
Address : Jln. Pulau Damar No. 234 Perum Way kandis, Bandar
Lampung 35143, Indonesia
Telephone : +62721785489
Fax : -
Hand phone : +628127939959
Email Address : hertanto.1960@yahoo.com

2. EDUCATIONAL BACKGROUND

Highest qualification : Master
Institution : Universiti Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia
Area of expertise : Politik
Research Interests : Demokrasi dan Politik Tempatan

3. CONFERENCE

i. Involvement in the conference.

Please tick (/) where applicable:

Participant ()
Paper presenter (/)

ii. Equipment for presentations:

Please tick (/) where applicable:

Laptop (/)
LCD Projector (/)
Video/DVD player ()
Overhead Projector ()
Others(please specify) () _____

iii. Food

Please tick (/) where applicable:

Vegetarian ()
Non - vegetarian (/)
Others (please specify) () _____



Pejabat Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon: +603-8921 5375/5354 Faksimili: +603-8925 2836 E-mel: icoshukm2012@gmail.com
Laman Web: <http://www.ukm.my/fsskconf>



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

Certificate of Participation

This is to certify that

HERTANTO

has participated as paper presenter at the

INTERNATIONAL CONFERENCES ON
SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES
(ICOSH UKM 2012)

on

12-13 DECEMBER 2012

ASSOC. PROF.
DR JALALUDDIN ABDUL MALEK
Chairperson ICOSH UKM 2012

PROF. DR. HAZITA AZMAN
Dean
Faculty of Social Sciences and
Humanities

International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH - UKM 2012)

Knowledge for Social Transformation & Development in the 21st Century



PRESENTER

12 - 13 December 2012

Faculty of Social Sciences & Humanities

Universiti Kebangsaan Malaysia

(The National University of Malaysia)





UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

International Conference on Social Sciences & Humanities

*"Knowledge for Social Transformation &
Development in the 21st Century"*

12-13 December 2012



Programme Book



International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH - UKM 2012)

Organized by:
Prof. Tan Sri Dato' Muzi M. Yusoff, Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia, November 2012

● 3% Overall Similarity

Top sources found in the following databases:

- 3% Publications database
 - Crossref database
 - Crossref Posted Content database
-

TOP SOURCES

The sources with the highest number of matches within the submission. Overlapping sources will not be displayed.

1

David C. L. Lim. " The Zen of Japanese Imperialism in Tan Twan Eng's ...

3%

Crossref